



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 9 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	420,000 PETANI, PENTERNAK, NELAYAN MULA DIVAKSIN 1 SEPTEMBER, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4. 5.	TANGANI LAMBAKAN, FAMA PROSES DURIAN PEKEBUN JADI PRODUK SIAP, MALAYSIA KINI -ONLINE RESOURCEFUL REP HANDS OUT 3,000 MEALS TO STRUGGLING BATU MAUNG CONSTITUENTS, THE VIBES -ONLINE (FAMA MAFI) DONATION OF FRUIS AND VEGETABLES TO ORPHANS, BERITA RTM -TV1 FAMA PASAR HASIL PERTANIAN RM38.22 JUTA, NEGERI, HAKAH -H14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8. 9.	WARGA EMAS RUGI, TIMUN ROSAK AKIBAT TERPUTUS BEKALAN AIR, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -32 'GEROBOK SAYUR' BUAT PENDUDUK TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -28 DULU PROSES AYAM TEPI RUMAH, KINI MILIKI 18 LADANG, EKONOMI, UM -31 PELAJAR HASILKAN TEKNOLOGI GABUNGAN IOT, FERTIGASI, GAYA TEKNO, UM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	KOSMO	ONLINE	

420,000 petani, penternak, nelayan mula divaksin 1 September



PUTRAJAYA – Sejumlah 420,000 individu meliputi petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri agromakanan di seluruh negara bakal divaksin bermula 1 September depan.

Menerusi hantaran infografik dalam laman sosial Facebook rasmi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), inisiatif itu akan berlangsung selama empat bulan sehingga 30 November.

“Pihak kementerian telahpun menggerakkan Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) yang bakal dilaksana mulai bulan depan,” kata kenyataan hantaran itu.

Usaha bersepadu itu ujar kementerian bagi melindungi kesejahteraan dan meningkatkan kadar pengambilan vaksin Covid-19 dalam kalangan pekerja sektor agromakanan tempatan.

AiVAC diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ketika berucap sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2021 kelmarin. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Tangani lambakan, Fama proses durian pekebun jadi produk siap

Masalah lambakan durian yang berlaku sejak Jun lalu sememangnya mengundang keluhan setiap pekebun durian di seluruh Kelantan yang terpaksa menjual dengan harga yang sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Ditambah pula dengan sekatan pergerakan akibat penularan wabak Covid-19 yang menyebabkan pekebun dan penjual tidak dapat memasarkan hasil mereka secara lebih meluas.

Di sinilah badan-badan kerajaan perlu memainkan peranan dalam membantu pekebun, terutama pekebun kecil, yang terjejas.

Antara peranana yang boleh dimainkan adalah dari segi pemasaran, pemprosesan, khidmat nasihat dan pendidikan untuk mengelakkan isu lambakan durian berterusan.

Apakah inisiatif Fama?

Justeru, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) telah mengambil langkah, antaranya membeli durian daripada pekebun dan penjual untuk diproses menjadi produk siap dengan anggaran belian berjumlah RM375,000 untuk musim ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, aktiviti pemprosesan durian kepada bahan siap yang sedang dijalankan ini merupakan inisiatif Fama untuk menangani isu lambakan buah bermusim, terutama durian.



"Kita mempunyai 12 pusat pemprosesan buah-buahan sejuk beku di seluruh Malaysia, termasuk di Tanah Merah, Kelantan.

"Kita memiliki kapasiti untuk memproses sebanyak 5 tan metrik setiap hari, untuk dijadikan pes, tempoyak dan pulpa.

"Bagi musim ini, pihak kami mensasarkan 100 ke 150 metrik tan buah durian segar untuk diproses kepada produk siap," katanya dalam sidang media ketikatinjauan Ke pusat pemprosesan durian di Pusat Operasi Fama di Machang, 4 April lalu.

Katanya lagi, pihaknya telah membeli durian daripada pekebun-pekebun dengan harga purata RM 2 hingga RM 2.50 sekilogram dari empat daerah yang menjadi pengeluar durian terbesar di negeri itu, iaitu Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai dan Pasir Puteh.

Selain itu, katanya lagi, Fama menempatkan ejen-ejen yang akan membeli durian dari pekebun-pekebun di setiap daerah berkenaan bagi memudahkan pekebun setempat menjual hasil mereka tanpa perlu merentas daerah untuk ke pusat pemprosesan tersebut.

Mengulas lanjut, Wan Nora berkata, produk siap tersebut mendapat permintaan tinggi memandangkan ia boleh menjadi nilai tambah bagi setiap produk yang dihasilkan oleh pengusaha asas tani di Malaysia.

"Untuk pasaran luar Malaysia, kita akan sediakan sekiranya permintaan tinggi dan harga yang ditawarkan oleh pengeksport munasabah, tetapi masalahnya bekalan untuk pasaran dalam negara pun masih belum mencukupi.

"Sekarang ini pun, kami sudah ada tiga pengeksport utama yang sudah bersetuju untuk membeli produk kita sebelum dieksport ke Singapura dan China," katanya.

Wan Nora menyuarakan harapan yang langkah Fama itu dapat memberi manfaat kepada 600 pekebun dan penjual durian di seluruh Kelantan.

Dengan usaha itu, katanya lagi, rakyat Malaysia bukan sahaja masih berpeluang menikmati produk berasaskan durian walaupun selepas musimnya, hasil durian yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun tempatan juga dapat diselamatkan daripada kerugian akibat kesan lambakan.

Pada 2 Ogos lalu, *Malaysiakini* melaporkan keluhan pekebun dan penjual durian di sekitar Tanah Merah dan Jeli yang berdepan masalah kemerosotan harga durian yang begitu ketara.

Rata-rata penjual dan pekebun terpaksa melelong dengan harga rugi atau memberikannya kepada penduduk kampung secara percuma untuk mengelakkan hasil mereka terbuang begitu sahaja akibat rosak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	THE VIBES	ONLINE	

Resourceful rep hands out 3,000 meals to struggling Batu Maung constituents

Datuk Abdul Halim Hussain also sets up counselling programme to help people overcome finance-induced stress



Batu Maung assemblyman Datuk Abdul Halim Hussain (right) handing out meals to families struggling amid the Covid-19 pandemic in his constituency. – Abdul Halim Hussain Instagram pic, August 9, 2021

GEORGE TOWN – More than 3,000 meals have been distributed to the needy in the Batu Maung constituency, said assemblyman Datuk Abdul Halim Hussain.

The Penang Trade, Industry and Entrepreneurial Development Committee chairman told The Vibes that the list of names of those in need of aid has been compiled by his service centre.

“We (seven staff and 12 volunteers) continue to distribute meals to the affected families, and we will continue to identify those in need of help.

“Corporate companies, through their corporate social responsibility (CSR) programmes, have also assist us to distribute foodstuffs to the families,” he said, after distributing 100 food baskets from the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) to the needy at his service centre in Taman Prestij, Bayan Lepas.

Fama’s CSR programme is aimed at delivering agricultural products, including fruits and vegetables to the poor.

Halim said he has also organised an online counselling programme to help people overcome stress due to financial difficulties during the pandemic.

“The centre also provides consultation and counselling to people falling prey to loan sharks or Ah Longs.

“We have rescued two families from such problems and have helped victims lodge police reports.” – The Vibes, August 9, 2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	BERITA RTM	TV1	

(FAMA MAFI) DONATION OF FRUITS AND VEGETABLES TO ORPHANS



FAMA pasar hasil pertanian RM38.22 juta

Oleh AIN MANAF

PASIR MAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu petani yang mengalami masalah untuk memajukan hasil pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

II (MAFI), Datuk Che Abdul-Ilah Mat Nawi berkata, penagaturan pasaran bersama pihak ketiga melalui Pusat Operasi FAMA.

Katanya, hampir 11,000 tan metrik hasil pertanian yang dibantu FAMA melibatkan nilai pemasaran sebanyak RM38.22 juta di seluruh negara dalam tempoh dua bulan sejak Mei hingga

Julai lepas. Manakala di Kelantan hampir 2,500 tan metrik dibantu dalam khidmat pemasaran FAMA melibatkan nilai sebanyak RM2.4 juta.

"Semua hasil pertanian itu dipasarkan oleh FAMA dan dibawa ke kawasan yang memerlukan seperti digunakan sebagai sumba-



Che Abdullah Mat Nawi memeliti timun bijau yang diusahakan petani muda.

ngan dalam program MAFI Prihatin.

"Program MAFI Prihatin merupakan inisiatif serampang dua mata di mana dapat membantu petani dan dalam masa yang sama membantu rakyat yang terjejas akibat Covid-19," katanya selepas melawat kebun timun hijau di Kampung Pulau, Chicha Tinggi,

di sini Isnin. Turut hadir Penasihat Komplek Lembaga Pasaran FAMA, Mohd Ariffin Awang. Che Abdullah juga berkata, sehingga 27 Julai lepas pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA memberi manfaat kepada 26,317 orang dengan jumlah keseluruhan sebanyak 44.89 metrik tan makanan disalurkan.

Katanya, mereka yang terbabit dalam sektor agro makanan disaran mendaf-tar di bawah agensi berka-litan supaya kerajaan dapat membantu jika ada seba-rang masalah khususnya aspek pemasaran.

"Kita berharap mereka mendaftarkan di bawah agensi-agensi berkaitan su-paya sekiranya berlaku se-barang masalah pihak-kita dapat membantu dalam pelbagai sudut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	32



Zainun bersama anaknya, Mohamad Halmi menunjukkan buah timun yang rosak akibat terputus bekalan air.

Warga emas rugi, timun rosak akibat terputus bekalan air

KUALA NERUS - Tanaman timun diusahakan seorang warga emas yang akan dituai dua minggu lagi musnah akibat bekalan air di Kampung Sungai Ikan di sini terputus sejak minggu lalu.

Zainun Sulaiman, 67, berkata, dia menganggarkan kerugian ditanggung mencecah ribuan ringgit setelah 500 pokok timun yang ditanam secara fertigasi tidak dapat disiram dan mula layu sejak Selasa lalu.

Menurutnya, tanaman timun di atas tanah berkeluasan 0.3 ekar yang diusahakan bersama anaknya, Mohamad Halmi Hassan, 24, sejak setahun lalu bergantung sepenuhnya dengan sumber air disalurkan Syarikat Air Terengganu (Satu).

"Dalam tempoh pokok membesar kami akan siram tiga kali sehari, tetapi apabila sudah tiba musim menuai pokok timun ini akan disiram sekurang-kurangnya lima kali sehari.

"Disebabkan bergantung sepenuhnya dengan air paip Satu, tanaman ini tidak dapat disiram dan mulai layu serta kering. Buahnya juga rosak dan kecut," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di kediamannya di sini pada Sabtu.

Zainun berkata, dia sempat memungut hasil tanaman timunnya sebanyak 100 kilogram (kg) sehari sebelum ia kembali dituai semula dalam tempoh dua minggu lagi.

Gangguan bekalan air akibat kebocoran paip di dasar sungai Terengganu menjejaskan 28,700 akaun pengguna di sekitar Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

Bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan kini giat dijalankan dan masalah bekalan air yang berlaku sejak minggu lalu dijangka akan selesai pada Rabu depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



MOHD. Rusli (kiri) membantu seorang pengunjung memilih sayur-sayuran segar di depan Wisma Purnama di Wakaf Bharu, Tumpat. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

'Gerobok sayur' buat penduduk terjejas

Oleh ROSLIZA MOHAMED
† utusannews@mediamulla.com.my

TUMPAT: Dalam tempoh beberapa jam, kesemua 70 kilogram sayur segar dari ladang seperti sawi, lobak merah, kubis, bayam, kangkung dan bendi habis diagihkan kepada orang ramai setiap hari.

Demikian penangan 'gerobok sayur' diwujudkan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Bharu di Wisma Purnama, di sini sempena Program Gerobok Magnet Rezeki ketika musim pandemik Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Wakaf Bharu, Mohd. Rusli Abdullah berkata, agihan kira-kira 60 hingga 70 kilogram sayur sehari dimulakan sejak Mac lalu hingga sekarang.

Menurut beliau, selain sumbangan individu, sayur-sayuran segar dibeli terus dari ladang di sekitar daerah ini yang tidak dapat dipasarkan secara meluas ekoran kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain membantu orang ramai mendapatkan sayur-sayuran segar setiap hari, program ini bertujuan membantu menangani isu lambakan hasil pertanian yang dihadapi kebanyakan petani ketika PKP.

"Kita mula agihkan sayur secara percuma pada waktu tengah hari dan biasanya kesemua bekalan sayur habis menjelang petang," katanya ketika ditemui di Wisma Purnama di sini semalam.

Mohd. Rusli atau lebih dikenali sebagai Abe Li berkata, memandangkan gerobok sayur dibuka setiap hari, beliau sentiasa mengalu-alukan kesediaan orang ramai atau mana-mana pihak yang ingin memberi sumbangan.

"Kita juga menyeru penduduk supaya mengambil bekalan sayur-sayuran mengikut keperluan supaya lebih ramai yang dapat merasa agihan percuma ini," katanya.

INSPIRASI
NIAGAOleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamula.com.my

Dulu proses ayam tepi rumah, kini miliki 18 ladang

ALOR SETAR: Tempoh 33 tahun bukan singkat untuk Pengasas dan Presiden Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), Jaffri Ahmad menempuhi ujian dan cabaran dalam membangunkan perniagaan dalam sektor ternakan, pemrosesan dan pagedaran ayam.

Namun, sesuatu yang membanggakan, ketika ini syarikat berkenaan merupakan satu-satu syarikat bumiputera yang mempunyai rangkaian ladang ternakan terbesar di Kedah dengan perolehan lebih RM160 juta, tahun lepas.

Berkat kegigihan anak jati Kedah itu, perniagaan kecil-kecilan yang bermula hanya dengan memproses dan menjual 50 ekor ayam di tepi rumah, berkesudahan dengan 18 ladang ternakan bersepadu dengan kapasiti hampir dua juta ayam setiap kitaran.

Lahir dengan nama Ayam Bismi, idea perniagaan Jaffri yang kuat didukung isteri yang juga merupakan Pengarah Urusan syarikat itu, Mazlina Kamarudin bermula pada 1988 setelah beliau menamatkan pengajian dalam industri perladangan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Arau, Perlis.

"Ketika saya keluar dari institut Teknologi Mara (ITM) (kini UiTM) zaman inflasi jadi memang susah nak dapat kerja, tetapi saya suka berniaga sejak di bangku sekolah sampai ke ITM.

"Selepas habis belajar, saya diperkenalkan dengan seorang rakan yang mengajak saya membuka perniagaan memproses ayam," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau memberitahu, pusat pemrosesan ayam pertama yang diusahakan dengan rakan kongsinya itu terletak bersebelahan dengan rumah keluarganya iaitu tapak asal Pusat Jualan Utama dan Ibu Pejabat Ayam Bismi ketika ini.

"Saya masih ingat hari pertama saya sembelih 50 ekor ayam yang dibeli daripada FAMA.

"Itu pun bukan senang kerana saya hanya mampu jual 10 ekor sahaja dan ayam yang tidak dapat dijual itu dibawa balik dan disimpan dalam peti sejuk rumah kawan kerana nak bawa balik risau ibu bapa bimbang," ujarnya.

Menurut Jaffri, di sebalik pelbagai ujian termasuk rakan kongsi menghilangkan diri, beliau memberanikan diri membuka ladang ternakan pertamanya di Binjal, Napoh, Kubang Pasu pada 1995



JAFFRI Ahmad kini memiliki 18 ladang ternakan bersepadu di seluruh Kedah dengan kapasiti antara 20,000 hingga 235,000 ekor setiap kitaran.



SALAH sebuah kilang memproses ayam milik Ayam Bismi di Simpang Empat, Alor Setar.

"Bukan itu sahaja untuk memastikan kualiti ayam yang dipasarkan pada tahap terbaik dan suci, syarikat berkenaan turut membuka makmalnya sendiri melalui anak syarikat, Naka Biolife Sdn. Bhd. dengan pelaburan lebih RM250,000 demi memastikan proses penja-

JAFFRI Ahmad dan **Mazlina** Kamarudin menubuhkan syarikat Ayam Bismi pada tahun 1988.

dengan kapasiti 20,000 ekor.

"Itu pun ada cabaran apabila daripada 20,000 ekor anak ayam yang saya ternak hampir 80 peratus mati kerana penyakit hawar. Tetapi kegagalan itu tetap memberi pengajaran kepada saya untuk berhati-hati," katanya.

Jelas usahawan ini, serik menyewa tanah selain dihadapkan dengan karenah tuan tanah, Jaffri akhirnya membeli sebidang tanah dengan harga RM80,000 di Kampung Lampam, Pendang pada 1998 dan memindahkan ladang ternakan di Napoh ke kawasan itu.

Tambahnya, sehingga kini, dengan visi Peneraju Solusi Ayam Halal Untuk Ummah Di Malaysia, syarikat itu telah membuka sebanyak 18 ladang ternakan bersepadu dibuka di seluruh Kedah dengan kapasiti setiap ladang antara 20,000 hingga 235,000 ekor setiap kitaran.

gan pemakanan ayam ternakan bebas daripada penyakit dan sisa khinzir.

"Syarikat ini juga mempunyai doktor veterinar sendiri yang bukan sahaja untuk memastikan produksi ternakan berjalan lancar mengikut jadual tetapi ternakan yang sihat dan selamat dimakan oleh pelanggan," katanya.

Syarikat berkenaan turut mempunyai kilang memproses ayam di Simpang Empat Alor Setar yang dilengkapi peralatan moden untuk melancarkan urusan pemrosesan ayam selain mempunyai sijil pengesahan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Kilang Ayam Bismi juga mempunyai Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Bahagian Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan, ini bermakna kilang berkenaan dikehendaki mematuhi prosedur amalan perkilangan baik dan bersih," ujarnya.

Dari segi jualan, menurutnya, Ayam Bismi mempunyai 16 peruncit di Kedah dan Perlis serta lebih 600 ejen atau stokis di seluruh negara untuk menjual pelbagai produknya termasuk ayam segar beku serta produk nilai tambah seperti bertih jagung ayam, ayam perap, bebola ayam, ayam kisar dan rempah ayam goreng tandoori.

Selain itu, syarikat ini juga terkenal dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatannya termasuk menubuh Rumah Makan Percuma (RMP) yang menyediakan makan tengah hari percuma kepada masyarakat setempat dalam kalangan kalangan asnaf dan mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Jaffri juga merupakan penerima anugerah Penternak Jaya Kedah 2003, Anugerah Pemasar Terbilang Lelaki Kebangsaan-FAMA 2004 dan Anugerah Usahawan Cemerlang Agrobank 2018.

Oleh INTANSUHANA CHE OMAR
intansuhana@mediamula.com.my

SEKUMPULAN pelajar tahun tiga Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) memberikan nilai tambah kepada kaedah penanaman fertigasi dengan mengintegrasikan teknologi Internet Segalanya atau *Internet of Things (IoT)*.

Melalui teknologi itu mereka menghasilkan aplikasi Laman *Prosumer Control System (LPCS)* yang berupaya mengawal proses pembajaan, siraman dan meracun tanaman di ladang dengan hanya menggunakan telefon pintar.

Menurut Ketua Projek, **Khairuz Zihani**, projek inovasi yang mereka hasilkan ini merupakan sebahagian daripada tugas bagi subjek yang diambil oleh pelajar tahun tiga.

"Inovasi yang kami cipta ini amat sesuai untuk digunakan di ladang pertanian berskala kecil yang menggunakan kaedah penanaman fertigasi," katanya.

Ketika ini jelasnya, kebun tembikai manis (rock melon) di universiti berkenaan menjadi perintis kepada teknologi itu yang mempunyai tiga fungsi utama iaitu Automatic Distribution System, Dosing System dan Monitoring System.

Katanya, ketiga-tiga sistem ini dibangunkan berteraskan IoT yang membolehkan ia dikawal sepenuhnya oleh petani menggunakan telefon pintar atau tablet melalui sambungan secara modul Wi-Fi.

"Pengguna tanpa perlu lagi berada di ladang, boleh mengawal kesemua sistem ini untuk berfungsi mengikut keperluan masing-masing di peranti sahaja melalui aplikasi 'e-Prosumer' yang turut kami bangunkan sendiri," ujarnya.

Projek dengan kos RM600 itu melibatkan empat pelajar iaitu Khairuz, Hairul Iskandar Hairul Nizam, Nur Syuhada Amir dan Siti Sarah Nabila Nor Zawawi.

PENJIMATAN HOLISTIK

Menurut **Hairul Iskandar** pula, tiga fungsi utama di dalam LPCS ini dibangunkan setelah mengambil kira permasalahan yang kebiasaannya dihadapi oleh petani sistem fertigasi.

Antaranya ialah kaedah semburan racun secara manual yang perlu dilakukan secara berkala dan kelangan untuk mendapatkan serta mengekalkan nisbah campuran baja yang tepat

Pelajar hasilkan teknologi gabungan *IoT*, fertigasi

KOTAK kawalan utama yang mengendalikan operasi fertigasi secara IoT.



KOORDINATOR ladang menunjukkan hasil rock melon yang lebih berkualiti selepas menggunakan kaedah gabungan IoT dan fertigasi.

untuk sistem fertigasi.

"Lebih menyulitkan apabila sistem fertigasi yang menggunakan pemasa (*timer*) ini akan tetap berfungsi walaupun semasa hujan.

"Masalah lain adalah untuk memastikan setiap pokok menerima siraman yang mencukupi setiap hari kerana untuk memeriksa kelembapan tanah bagi setiap pokok akan mengambil masa yang panjang dan tidak efektif," jelasnya.

Oleh itu, fungsi yang terdapat pada *Automatic Distribution System* membolehkan kawalan pada kekerapan dan kuantiti siraman air, baja dan racun

pada tanaman secara automatik.

HASIL buah rock melon yang sudah dituai.



KHAIRUZ ZIHANI

air, paras hujan, suhu air dan kelembapan tanah.

Selain itu, Monitoring System pula mengawal paras air di dalam tangki khas yang digunakan untuk sistem fertigasi sentiasa mencukupi.

Kesemua sistem ini dihubungkan ke sistem kawalan 'e-Prosumer' yang merupakan kotak kawalan utama kepada pengoperasian LPCS.

Inovasi ini juga boleh beroperasi secara manual sekiranya terdapat gangguan capaian Wi-Fi di antara kotak kawalan dan peranti.

Secara tidak langsung, teknologi ini memberi penjimatan kepada kos tenaga kerja dan pembajaan selain penambahbaikan dalam kualiti tanaman.